

30/05/1997

SPS dapat tumpuan pemaaju

Zainal A

NIBONG TEBAL: Daerah Seberang Prai Selatan (SPS) kini menjadi tumpuan pemaaju dari luar kawasan itu kerana pertumbuhan pesatnya kebelakangan ini.

Boleh dikatakan setiap bulan pemaaju datang ke pejabat SPS memohon mendapatkan lesen untuk membuka tapak industri.

"Memang benar permintaan bagi mendapatkan lesen dan kebenaran membuka tapak industri ketara sekali kebelakangan ini," kata Pegawai Daerah SPS, Ahmad Phisal Talib, ketika berucap pada majlis penyampaian bantuan RM25,000 kepada empat mangsa kebakaran di Kampung Baru, Simpang Empat dekat sini, baru-baru ini.

Penyampaian cek bantuan disempurnakan Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Shariff Omar kepada wakil mangsa Darus Abidin di surau kampung itu.

Ahmad Phisal berharap pembangunan pesat itu tidak menyisihkan penduduk tempatan daripada turut menerima nikmatnya.

"Saya yakin ini akan dapat dirasakan penduduk di kawasan terbabit," katanya.

Antara kawasan menjadi tumpuan kalangan pelabur dan pemaaju luar ialah di sekitar Simpang Empat, Patau, Bukit Tambun dan Batu Kawan yang mula dikenali sebagai pusat pertumbuhan baru.

Tinjauan Berita Harian mendapati banyak kawasan terbabit kini sudah diterokai dan ditambun tanah merah sebelum dijadikan tapak industri kecil dan sederhana selain pembinaan kompleks perniagaan.

Selain itu, kawasan Valdor dua kilometer dari situ juga turut menjadi daya tarikan dan tumpuan pelabur luar kerana kemudahan bagi mendirikan kilang sudah disediakan.

Mohd Shariff dalam ucapannya berkata, beliau gembira dengan perkembangan di SPS kerana tanpa diduga hasil daripada kemudahan asas yang disediakan oleh agensi kerajaan, ia membangun dengan pesat.

Sehubungan itu, beliau berharap penduduk juga mendapat nikmat hasil pembangunan pesat di kawasan berkenaan. Ini sejajar matlamat kerajaan agar semua pihak menerima faedah.

Mohd Shariff menafikan dakwaan sesetengah pihak kononnya kerajaan sengaja melambatkan kelulusan permohonan projek itu.

Beliau berkata tidak ada manfaatnya kerajaan berbuat demikian kerana sikap itu hanya merugikan rakyat yang dahagakan pembangunan.

"Kerajaan tetap memberi perhatian berat bagi melicinkan proses permohonan bagi projek pembangunan yang dikemukakan," katanya.

Katanya, ini sejajar nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar kerajaan negeri mempercepat proses permohonan bagi projek pembangunan demi kepentingan rakyat.

"Kerajaan mematuhi nasihat dan saranan Perdana Menteri untuk mengutamakan kepentingan rakyat," katanya.

(END)